



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

INDEKS KOS BAHAN BINAAN, JANUARI 2026

**Indeks harga seunit simen mencatatkan peningkatan antara
0.2 peratus hingga 1.7 peratus pada Januari 2026**

PUTRAJAYA, 11 FEBRUARI 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan laporan **SIARAN KHAS UNTUK KERJA-KERJA PEMBINAAN BANGUNAN DAN STRUKTUR, JANUARI 2026**. Laporan ini menyediakan indeks harga seunit bahan binaan terpilih dan Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) mengikut kategori bangunan dan kawasan.

Dalam kenyataan pada hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa indeks harga seunit simen mencatatkan peningkatan pada Januari 2026, iaitu antara 0.2 peratus sehingga 1.7 peratus berbanding bulan lepas. Peningkatan tertinggi di Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (1.7%), diikuti dengan Perak (1.6%) dan Sandakan (0.8%).

Ketua Perangkawan Malaysia juga memaklumkan bahawa indeks harga seunit pasir mencatatkan sedikit peningkatan pada Januari 2026, dengan perubahan bulan ke bulan antara 0.5 peratus hingga 3.3 peratus di semua kawasan Semenanjung Malaysia. Manakala, indeks harga seunit pasir di Sabah dan Sarawak kekal tidak berubah.

Indeks harga seunit besi menunjukkan penurunan pada Januari 2026, iaitu antara negatif 0.6 peratus sehingga negatif 3.0 peratus berbanding bulan lepas. Tambahan daripada itu, indeks harga keratan keluli & logam turut mencatatkan penurunan pada Januari 2026, dengan perubahan bulan ke bulan antara negatif 0.3 peratus hingga negatif 1.6 peratus di semua kawasan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Perbandingan tahunan untuk tempoh Januari 2025 dan Januari 2026 menunjukkan indeks harga seunit besi telah merekodkan penurunan antara negatif 1.1 peratus hingga negatif 7.6 peratus bagi kebanyakan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Penurunan tertinggi bagi indeks harga seunit bahan telah dicatatkan di Miri (-7.6%) dan diikuti dengan Kuching dan Sibu (masing-masing -7.4%) dan Kota Kinabalu (-7.2%).

Selain daripada itu, perbandingan tahun ke tahun bagi indeks harga seunit simen pula telah mencatatkan peningkatan antara 0.4 peratus hingga 5.9 peratus pada Januari 2026 berbanding bulan yang sama tahun lalu, bagi seluruh kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Peningkatan tertinggi dicatatkan di Pahang (5.9%), diikuti dengan Perak (5.1%) dan Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (4.9%).

Ketua Perangkawan Malaysia turut menyatakan bahawa purata harga seunit besi yang terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan *Mycon 60 high tensile deformed bars* merekodkan penurunan iaitu negatif 1.7 peratus, dengan purata harga RM3,454.00 bagi setiap tan metrik berbanding bulan sebelumnya (Disember 2025: RM3,512.10 per tan metrik). Tambahan daripada itu, purata harga bagi simen *Ordinary Portland* pula telah mencatatkan peningkatan (3.1%) dengan purata harga RM25.30 per 50 kg sekarang berbanding Disember 2025 (RM24.55 per 50 kg sekarang).

Perbandingan bulanan IKB termasuk bar keluli mengikut kategori bangunan dan kawasan di Semenanjung Malaysia mencatatkan peningkatan antara 0.1 peratus hingga 0.6 peratus pada bulan Januari 2026 berbanding bulan sebelumnya. Peningkatan ini dicatatkan bagi semua kategori bangunan dan kawasan di Semenanjung Malaysia.

IKB termasuk bar keluli di Sabah menunjukkan peningkatan kecil iaitu 0.1 peratus hingga 1.4 peratus bagi hampir semua kategori bangunan pada Januari 2026 berbanding bulan sebelumnya.


Perbandingan bulan ke bulan IKB termasuk bar keluli di Sarawak merekodkan penurunan kecil antara negatif 0.5 peratus hingga negatif 1.5 peratus bagi semua kategori bangunan di Sibu. Tambahan daripada itu, IKB bagi hampir semua kategori bangunan di Kuching dan Miri turut mencatatkan penurunan antara negatif 0.1 peratus hingga negatif 1.2 peratus (kecuali indeks kekal tidak berubah bagi kategori bangunan kayu & cerucuk kayu).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema "**Data Nadi Ekonomi Rakyat**". Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Carta 1: Purata Harga Bar Keluli, Malaysia, Januari 2024 – Januari 2026



Carta 2: Purata Harga Simen (Ordinary Portland) Malaysia, Januari 2024 – Januari 2026



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
11 FEBRUARI 2026**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

BUILDING COST INDEX, JANUARY 2026

The unit price index of cement recorded an increase between 0.2 per cent to 1.7 per cent in January 2026

PUTRAJAYA, 11TH FEBRUARY 2026 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) published **SPECIAL RELEASE FOR BUILDING AND STRUCTURAL WORKS, JANUARY 2026**. This report provides the unit price index of major building materials and the Building Material Cost Index (BCI) by building category and region.

In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mentioned that the unit price index of cement recorded an increase in January 2026, ranging from 0.2 per cent to 1.7 per cent as compared to the previous month. The highest increase in the price index of this material was recorded in Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (1.7%), followed by Perak (1.6%) and Sandakan (0.8%).

The Chief Statistician of Malaysia also informed that the unit price index of sand showed a slight increase in January 2026, with month-on-month change ranging from 0.5 per cent to 3.3 per cent in all areas in Peninsular Malaysia. Meanwhile, the unit price index of sand remained unchanged in Sabah and Sarawak.

The unit price index of steel recorded a slight decrease in January 2026, ranging from negative 0.6 per cent to negative 3.0 per cent as compared to the previous month. In addition, the price index of steel & metal sections also registered a decrease in January 2026, with month-on-month changes between negative 0.3 per cent to negative 1.6 per cent across all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak.

An annual comparison for the period of January 2025 and January 2026 has indicated that the unit price index for steel recorded a decline ranging from negative 1.1 per cent to negative 7.6 per cent involving most areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest decrease in the unit price index for steel was observed in Miri (-7.6%) and followed by Kuching and Sibul (-7.4%), respectively and Kota Kinabalu (-7.2%).

Nevertheless, the year-on-year comparison of the unit price index of cement increased between 0.4 per cent to 5.9 per cent in January 2026 as compared to the same month last year across all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest increase was observed in Pahang (5.9%) followed by Perak (5.1%) and Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (4.9%).

The Chief Statistician of Malaysia also mentioned that the average price per unit of steel, consisting of mild steel round bars and Mycon 60 high tensile deformed bars, recorded a decrease of negative 1.7 per cent with an average price of RM3,454.00 per metric tonne as compared to the previous month (December 2025: RM3,512.10 per metric tonne). In addition, the average price of Ordinary Portland cement showed an increase (3.1%) with an average price of RM25.30 per 50 kg bag, as compared to December 2025 (RM24.55 per 50 kg bag).

A monthly comparison of BCI with steel bars for all building categories in Peninsular Malaysia recorded a slight increase ranging from 0.1 per cent to 0.6 per cent in January 2026 as compared to the previous month. The increase for BCI with steel was recorded for all building categories and areas in Peninsular Malaysia.

The BCI with steel bars in Sabah recorded a slight increase 0.1 per cent to 1.4 per cent for all building categories in January 2026 as compared to the previous month.


A month on month comparison of BCI with steel bars in Sarawak registered a slight decrease ranging from negative 0.5 per cent to negative 1.5 per cent for all categories of buildings in Sibu. In addition, the BCI for almost all building categories in Kuching and Miri recorded declines ranging from negative 0.1 per cent to negative 1.2 per cent, (except for the timber building and timber piling categories, which remained unchanged).

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.


Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

**Chart 1: Average Price of Steel Bar, Malaysia,
January 2024 – January 2026**



**Chart 2: Average Price of Cement, Malaysia,
January 2024 – January 2026**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
11 FEBRUARY 2026**